

**NO SOALAN : 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2016**

**Y.B TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]  
minta MENTERI KEWANGAN :-**

Menyatakan berapakah jumlah peruntukan dana untuk pengukuran perimeter Tanah Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak pada tahun 2016 dan dapatkah peruntukan disalurkan pada setiap awal tahun agar sasaran pengukuran perimeter Tanah Adat Bumiputera dapat dicapai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hal ehwal tanah termasuk mengenai Tanah Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak adalah di dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.